

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. HAJI IZANI HAJI HUSIN [PENGKALAN CHEPA]**  
**TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)**  
**SOALAN : Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ] minta**  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang menaik  
taraf Jeti Perikanan Pantai Sabak bagi menampung jumlah bot  
nelayan yang semakin meningkat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada masa ini, nelayan di kawasan Pantai Sabak menjalankan aktiviti pendaratan ikan di jeti persendirian yang terletak di sekitar Pulau Gajah. Namun begitu, Kerajaan tidak bercadang untuk menaiktaraf jeti persendirian. Para nelayan di kawasan Pantai Sabak boleh menggunakan jeti berhampiran iaitu di Pantai Senok, Bachok untuk mendaratkan hasil tangkapan masing-masing yang terletak hanya 5 kilometer dari Pantai Sabak.